

D349

U B521 AAB
MAHATHIR - SABAH

MELAKA, 16 OKT (BERNAMA) -- PILIHAN RAYA PARLIMEN DI SABAH AKAN DITERUSKAN KERANA UNDANG-UNDANG TIDAK MEMBENARKAN IA DITUNDA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

+SAYA INGAT TAK BOLEH TUNDA KERANA UNDANG-UNDANG TIDAK BENARKAN,+ KATA PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN +GRAHA MAJU+, PEJABAT PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI MELAKA DAN LEMBAGA AIR MELAKA DI SINI.

BELIAU MENGULAS HASRAT PRESIDEN USNO, TUN DATU MUSTAPHA DATUK HARUN YANG MAHU SURUHANJAYA PILIHANRAYA MENANGGUHKAN PILIHAN RAYA DI NEGERI ITU UNTUK MEMBOLEHKAN USNO MELAWAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) SETELAH PBS MENGUMUMKAN KELUAR DARIPADA BARISAN NASIONAL SEMALAM.

PILIHAN RAYA PARLIMEN DI SABAH DITETAPKAN PADA 20 DAN 21 OKT.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, SEBARANG TUNJUK PERASAAN SECARA AMAN SEPERTI YANG DIHASRATKAN OLEH USNO, TIDAK DIBENARKAN.

KATANYA, BELIAU AKAN MENDENGAR APA YANG DIPERKATAKAN OLEH TUN DATU MUSTAPHA YANG AKAN MENEMUINYA ESOK. -- LAGI.

1925MST 16 10 90

D359

U B527 AAB
MAHATHIR - SABAH 2 MELAKA

KETIKA DIBERITAHU BAHAWA PRESIDEN SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH KINI BEGITU YAKIN MEMENANGI PILIHAN RAYA INI MALAH BOLEH MEMBENTUK KERAJAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +KITA TENGOKLAH SIAPA YANG BETUL. DIA YANG BETUL ATAU KITA YANG BETUL?+

KETIKA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 2,000 HADIRIN DI HADAPAN BANGUNAN BERTAMBAH *50 JUTA ITU, PERDANA MENTERI MENYIFATKAN PRESIDEN PBS, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN TAMAK YANG TIDAK BERJIWA MALAYSIA KERANA TIDAK MAHU MENGAGIH-AGIHKAN KEKAYAAN DENGAN NEGERI-NEGERI LAIN.

SAMBIL MENYATAKAN LEBIH BAIK PBS KINI BERADA DI LUAR BN, BELIAU BERKATA, SETIAP NEGERI DI NEGARA INI MESTILAH SALING BANTU MEMBANTU DALAM PEMBANGUNAN AGAR NEGERI YANG MISKIN DAPAT MENGECAPI NIKMAT YANG TERDAPAT DI NEGERI YANG KAYA.

MENURUTNYA, PBS LUPA BAHAWA SEMASA SABAH TIDAK MEMPUNYAI HASIL MINYAK, NEGERI ITU MENDAPAT BANTUAN HASIL KEKAYAAN NEGERI-NEGERI LAIN SEPERTI TERENGGANU YANG MEMPUNYAI HASIL MINYAK. PBS ANTARA LAIN MENUNTUT SUPAYA ROYALTY MINYAK KEPADA SABAH DINAIKKAN.

KATANYA, SISTEM CUKAI DI NEGARA INI BERTUJUAN MEMBOLEHKAN YANG KAYA AKAN TURUT BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP YANG MISKIN DENGAN MEMBERI BANTUAN. -- LAGI.

1945MST 16 10 90

D330

U B534 AAB
MAHATHIR - SABAH 3 MELAKA

+APAKAH YANG AKAN TERJADI KEPADA YANG MISKIN JIKA YANG KAYA BERKATA BAHAWA KEKAYAAN MEREKA HANYA UNTUK DIRI MEREKA SAHAJA,+ KATANYA DENGAN MEMBERI CONTOH KEKAYAAN NEGARA IBARAT KEK EKONOMI YANG HARUS DIBAHAGI-BAHAGIKANKAN SAMA BESAR KEPADA NEGERI-NEGERI.

MENYENTUH TUNTUTAN DATUK PAIRIN AGAR SEBUAH UNIVERSITI DIWUJUDKAN DI SABAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PEMBINAAN SESEBUAH UNIVERSITI IALAH UNTUK FAEDAH NEGARA DAN BUKANNYA UNTUK NEGERI TERTENTU.

BELIAU MENGINGATKAN PENGUNDI BETAPA PENTINGNYA BARISAN NASIONAL MENDAPAT KELEBIHAN DUA PERTIGA KERUSI UNTUK MENUBUHKAN KERAJAAN YANG KUAT AGAR PERISTIWA RUSUHAN KAUM 13 MEI 1969 TIDAK BERULANG.

SAMBIL MENYATAKAN BAHAWA BELIAU TIDAK BERTUJUAN UNTUK MENAKUT-NAKUTKAN RAKYAT, PERDANA MENTERI BERKATA, RUSUHAN ITU BERLAKU KERANA PEMBANGKANG TIDAK BERASA TAKUT KEPADA PERIKATAN YANG MENANG TIPIS PADA MASA ITU.

+BUKANNYA PERIKATAN KALAH KETIKA ITU, TETAPI KERANA IA MENANG TIPIS MAKA PEMBANGKANG TIDAK TAKUT UNTUK MENIMBULKAN KEKECOHAN,+ KATANYA SAMBIL MENGINGATKAN BAHAWA MEREKA YANG TIDAK BELAJAR DARIPADA SEJARAH AKAN DIDERA BERULANG KALI. -- LAGI.
2022MST 16 10 90

D382

U B535 AAB
MAHATHIR - SABAH 4 MELAKA

KATANYA, BN MERUPAKAN KERAJAAN YANG MENIMBANGKAN HAK SEMUA KAUM DI NEGARA INI KERANA KOMPONENNYA TERDIRI DARIPADA PARTI-PARTI YANG BERSIKAP SEDERHANA DAN BOLEH DIBAWA BERUNDING.

TIDAK SEPERTI DI NEGARA-NEGARA LAIN, KERAJAAN BN TIDAK MELARANG KAUM TERTENTU MENGEMBANGKAN PERNIAGAAN MEREKA ASALKAN MEREKA BERSEEDIA MENGAGIH-AGIHKAN KEKAYAAN DENGAN KAUM LAIN AGAR TIDAK WUJUD KAUM YANG TERLALU KAYA DAN KAUM YANG TERLALU MISKIN UNTUK MENGELAKKAN KETEGANGAN KAUM.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN PERTUKARAN KERAJAAN TIDAK SEMESTINYA MEMBAWA KEMAJUAN KEPADA NEGARA BERKENAAN SEPERTI YANG BERLAKU DI SEBUAH NEGARA JIRAN.

KETUA MENTERI TAN SRI HAJI RAHIM TAMBY CHIK DAN CALON-CALON BN NEGERI TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU. -- BERNAMA.
2026MST 16 10 90